

‘Manfaat majlis selawat tingkat kefahaman ilmu’

PM ajak umat Islam sentiasa semarakkan semangat kesepaduan

Oleh Fahmy A.Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak seluruh umat Islam negara ini, memanfaatkan majlis seperti selawat dan munajat untuk meningkatkan kefahaman ilmu.

Berucap merasmikan majlis Selawat dan Munajat Perdana Untuk Malaysia di Stadium Kuala Lumpur, malam kelmarin, Perdana Menteri berkata, majlis seperti ini perlu sentiasa disemarakkan dengan semangat kesepaduan.

Beliau berkata, nilai itu menjadi antara teras terkandung dalam konsep Malaysia MADANI.

Dengan pembinaan perpaduan yang kuat, beliau yakin peridekatan sebegitu dapat mem-



Anwar pada majlis Selawat dan Munajat Perdana Untuk Malaysia di Stadium Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

perkasakan segenap aspek bagi memajukan negara seiring konsep Malaysia MADANI.

“Majlis ini adalah majlis amal dan munajat. Kita berikhtiar, boleh merangka, kita boleh mengadakan strategi ekonomi, budaya dan pemerksaan dalam pelbagai bidang, tetapi kita harus bertawakal kepada Allah SWT.

“Majlis seperti ini juga merupakan majlis munajat, bersela-

wat dan majlis ilmu untuk kita terapkan madani. Ertinya negara ini bertamadun. Maknanya usaha perpaduan, bersatu.

“Memanfaatkan kekuatan perpaduan untuk mengangkat martabat ke arah insaniah, ekonomi, pendidikan dan sosial tetapi perkara teras atau pangkalnya adalah keyakinan kita kepada Allah SWT dan mendekati Rasulullah SAW dengan mengingati dan berselawat.

“Sebab itu, saya ambil pelu-

ang untuk meraikan dan untuk bersama serta mengajak rakan di seluruh negara menjadikan majlis seperti ini majlis segar. Biar Malaysia MADANI semarak umat untuk sentiasa berselawat kepada junjungan Nabi Muhammad dan menggunakan majlis ini bagi meningkatkan kefahaman ilmu kita,” katanya.

Dianggarkan lebih 6,500 orang hadir pada majlis Selawat dan Munajat Perdana Untuk Malaysia, walaupun hujan lebat.